



SIARAN MEDIA

PERMOHONAN PERANTIS 2025 DIBUKA SASAR LEBIH RAMAI PEMIMPIN MUDA WANITA

PUTRAJAYA, 27 FEBRUARI: Permohonan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) dibuka bermula dari 27 Februari sehingga 26 Mac 2025 dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dan menyasarkan 100 tokoh wanita yang bakal memanfaatkan lebih 5,000 peserta bimbingan.

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tersebut dalam sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2024 dalam usaha memartabatkan wanita di persada dunia dan memperkasakan kepimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya.

PERANTIS menyediakan geran kepada wanita yang telah berjaya untuk melatih dan membimbing lebih ramai wanita terutamanya golongan muda bagi mengasah bakat kepimpinan mereka. Ia adalah langkah penting untuk melahirkan lebih ramai kumpulan bakat pemimpin wanita terutamanya di peringkat pembuat keputusan.

Perantis juga dijadikan platform bagi perkongsian ilmu dan kepakaran. Di samping itu, melalui program ini peserta akan dapat mengukuhkan jaringan kerjasama dalam kalangan pemimpin wanita daripada pelbagai sektor. Untuk rekod, pelaksanaan PERANTIS pada tahun 2024 telah menarik penyertaan seramai 1,247 orang peserta dengan bimbingan 25 orang tokoh wanita.

Permohonan lengkap bersama kertas cadangan pelaksanaan program boleh dibuat secara atas talian di pautan <https://iwanita.my>. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila layari www.jpw.gov.my atau menghubungi urus setia PERANTIS di talian 03-83231616/1618/1620/1596, email: perantis@jpw.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
27 FEBRUARI 2025**



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PELAWAAN PERMOHONAN PERANTIS 2025

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah memperkenalkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) bagi membangunkan bakat kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang menerusi bimbingan tokoh wanita yang telah berjaya. Justeru, KPWKM mempelawa individu atau mana mana organisasi yang ditubuhkan secara sah untuk memohon PERANTIS 2025.

Objektif

- ✓ Melahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan wanita terutamanya di peringkat pembuat keputusan;
- ✓ Mewujudkan platform perkongsian ilmu dan kepakaran antara tokoh yang telah berjaya dan pemimpin pelapis yang memerlukan bimbingan; dan
- ✓ Mengukuhkan jaringan kerjasama dalam kalangan pemimpin wanita.

Info permohonan

- ✓ Dibuka kepada individu (tokoh wanita) atau mana-mana organisasi yang ditubuhkan secara sah mengikut undang-undang Malaysia;
- ✓ Permohonan boleh dihantar secara dalam talian melalui portal iWanita; dan
- ✓ Kertas kerja perlu dikemukakan dalam Bahasa Malaysia sahaja mengikut format yang ditetapkan.



TARIKH PERMOHONAN

27.02.2025 - 26.03.2025

PAUTAN LAMAN

<https://iwanita.my/>



URUS SETIA

BAHAGIAN PENILAIAN, PEMANTAUAN DAN
PENGURUSAN PENGETAHUAN, JPW
Aras 23, 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya



03 8323 1616/ 1596/ 1609/ 1627



perantis@jpw.gov.my